

Parlimen: Kerajaan Jimat RM2 Bilion Beli Gula Mentah Melalui LTC 2009-2011
Bernama
22 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Pembelian gula mentah pada harga tetap US\$0.175 sepaun melalui Kontrak Jangka Panjang (LTC) bagi tempoh tiga tahun berakhir 2011 telah menyumbang kepada penjimatan RM2 bilion, persidangan Dewan Rakyat diberitahu Khamis.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Mahathir berkata keputusan kerajaan untuk menandatangani LTC 2012-2014 pada harga US\$0.26 sepaun adalah sesuai dan berpatutan memandangkan harganya sukar diramal dan dijangka meningkat pada masa hadapan.

"Kos pengeluaran gula mentah di negara-negara pengeluar meningkat kepada sekitar US\$22-23 sen setiap paun berbanding US\$17-18 sen setiap paun pada masa lalu dan kos ini dijangka meningkat pada masa hadapan.

"Penjimatan RM2 bilion itu pula diperoleh apabila harga semasa pasaran gula mentah dunia pada awal LTC 2009-2011 adalah lebih murah berbanding pada peringkat akhir kontrak itu," katanya menjawab soalan Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara).

Pua mahu tahu sebab kerajaan membeli gula mentah pada harga US\$0.26 sepaun walaupun harga pasaran dunia tidak melebihi US\$0.24.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654101>